

STPM Kertas 1 2019:

Soalan 4

- (a) Beri dua alasan mengapa terdapat perniagaan yang tidak mempunyai rekod perniagaan yang lengkap. (2)
- (b) Perihalkan tiga implikasi ke atas pengurusan perniagaan jika perniagaan tidak mempunyai rekod perakaunan yang lengkap. (3)
- (c) Pada 1 Februari 2018, Encik Qaisar, pemilik Laman Q Enterprise telah memulakan perniagaan perkhidmatan lanskap laman dengan mendepositkan tunai berjumlah RM2,000 ke dalam akaun bank. Wang tunai tersebut diambil daripada simpanan peribadinya sebanyak RM800 dan bakinya adalah pinjaman daripada bapanya. Dengan modal yang ada, Encik Qaisar telah menyewa mesin rumput, membeli peralatan, dan bekalan serta mengupah beberapa orang pekerja. En Qaisar tidak menyimpan rekod perakaunan yang lengkap. Maklumat pada 31 Julai 2018 adalah seperti yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>RM</i>
Umpah pekerja belum bayar	600
Bekalan	100
Akaun belum terima	600

Maklumat tambahan

- (1) Upah pekerja yang telah dijelaskan berjumlah RM3,600. Peralatan yang dibeli pada kos RM300 dijangka boleh digunakan dalam tempoh satu tahun.
- (2) Sepanjang tempoh enam bulan operasi, tunai yang dikutip daripada pelanggan berjumlah RM11,900. Sebanyak RM450 daripada amaun itu belum dibankkan, dan sebanyak RM100 telah digunakan oleh Encik Qaisar untuk menjelaskan bil telefon bimbitnya.
- (3) Bayaran untuk bekalan sebanyak RM800 telah dibuat.
- (4) Encik Qaisar telah menyewa mesin rumput daripada MR Enterprise untuk tempoh enam bulan bermula 1 Februari 2018 dengan bayaran sebanyak RM1,200.
- (5) Belanja penyelenggaraan mesin dan belanja runcit, masing-masing ialah RM200 dan RM600.
- (6) Semakan buku cek mendapati Encik Qaisar telah mengeluarkan tunai untuk menjelaskan semua hutang kepada bapanya dan RM1,000 untuk kegunaan peribadi.

Dikehendaki:

- (i) Hitung baki tunai di bank bagi Laman Q Enterprise pada 31 Julai 2018. (6)
- (ii) Sediakan penyata pendapatan komprehensif Laman Q Enterprise bagi enam bulan pertama operasi. (5)
- (iii) Sediakan penyata kedudukan kewangan pada 31 Julai 2018 (4)